



## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM PEMERKASAAN PENDIGITALAN PMKS KEBANGSAAN 2021**

**BERA, 21 November 2021** – MyDIGITAL Corporation, agensi di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menganjurkan Program Pemerkasaan Pendigitalan PMKS Kebangsaan 2021 bermula hari ini sehingga 23 November 2021.

Program ini yang turut mendapat kerjasama rakan telekomunikasi Telekom Malaysia Berhad (TM); kementerian-kementerian dan agensi berkaitan bertujuan meningkatkan keberkesanan penjana ekonomi digital.

Pandemik COVID-19 telah mempercepat pendigitalan dalam pelbagai industri, termasuklah perdagangan, pendidikan, kesihatan, dan lain-lain.

Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) berkata, pandemik ini telah memberi kesan terhadap perniagaan, termasuk yang dimiliki oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

“PMKS merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara dengan hampir 1.2 juta (97.2%) daripada keseluruhan jumlah perusahaan di Malaysia pada tahun 2020. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah memberi tumpuan khusus kepada pembangunan PMKS dan pertumbuhan ekonomi

digital, untuk mencapai aspirasi Keluarga Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan,” kata Dato’ Sri Mustapa.

Melalui agenda MyDIGITAL, terdapat pelbagai program dan insentif disediakan kepada PMKS bagi membolehkan mereka memanfaatkan teknologi sepenuhnya. Namun demikian, masih ramai PMKS yang belum ke hadapan untuk merebut peluang yang disediakan kepada mereka.

Program Pemerkasaan Pendigitalan PMKS Kebangsaan 2021 ini merupakan satu usaha untuk memberi maklumat kepada PMKS mengenai segala bantuan, insentif dan penyelesaian digital yang tersedia dalam usaha membantu mendigitalkan perniagaan mereka. Ini akan membantu proses pemulihan PMKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19 serta meningkatkan produktiviti, dan kekal berdaya saing. Program ini akan lebih memperjelas peranan pelbagai agensi yang terlibat dalam pembangunan PMKS dalam pelbagai aspek.

Melalui program ini, PMKS dan orang awam yang berminat akan mendapat maklumat terperinci mengenai pelbagai aspek dalam menjalankan perniagaan, serta kelebihan penggunaan platform dan teknologi digital. Mereka juga boleh mendapatkan sokongan dan perkhidmatan daripada kementerian atau agensi berkaitan, serta pihak swasta bagi menyesuaikan keperluan perniagaan dan bentuk penyelesaian digital yang diperlukan dalam sesi panel dan soal jawab bersama pakar. Selain itu, pelbagai kisah kejayaan hasil usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan turut dikongsi bagi meningkatkan keyakinan pengusaha PMKS dalam mendepani era Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan pendigitalan.

MDEC, antara agensi utama dalam pembangunan ekonomi digital, turut terlibat secara aktif bagi meningkatkan dan membolehkan PMKS di seluruh negara berjaya menerima guna pendigitalan untuk kekal relevan dengan perubahan

zaman. Selain itu, MDEC juga turut terlibat dalam pembangunan bakat digital yang dapat menyokong transformasi pendigitalan PMKS.

Program ini dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera, Pahang dengan disaksikan oleh Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), YB Dato' Sri Mustapa Mohamed; Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Hj. Musa; dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Tan Sri Noh Haji Omar.

Program ini diteruskan secara maya pada 22 dan 23 November yang akan menampilkan ahli panel daripada pelbagai latar belakang untuk berkongsi maklumat dan pengalaman kejayaan para usahawan. Ini akan memastikan PMKS dari seluruh negara dapat bersama-sama menerima manfaat daripada program ini. Melalui sesi secara maya ini, mereka akan turut mendapat maklumat mengenai segala bantuan, insentif dan penyelesaian digital yang disediakan oleh kementerian, agensi dan pihak swasta. Maklumat lanjut dan borang pendaftaran boleh didapati di **[www.msme2021.com](http://www.msme2021.com)**.

**TAMAT**

### **Mengenai Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik (SCMO – MyDIGITAL Corporation)**

SCMO ditubuhkan sebagai *special purpose vehicle* bawah Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. SCMO bertanggungjawab melaksanakan pengurusan perubahan di peringkat nasional yang memfokuskan pada penyusunan rancangan dan inisiatif strategik bagi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RETDM) dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara (D4N).

SCMO juga memantau kemajuan dan menilai prestasi pelaksanaan serta hasil keseluruhan agenda ekonomi digital dan 4IR; selain melaksanakan tugas sebagai sekretariat Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara (MED4IRN) yang disokong oleh sekretariat di peringkat kluster.

### **Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. Matlamat MDEC adalah untuk mewujudkan ekonomi digital yang progresif dan berinovatif.

MDEC akan terus menerajui pembangunan ekonomi Malaysia memasuki era masa hadapan ke arah menjadi sebuah negara digital yang kompetitif di peringkat dunia dengan berpaksikan kepada inovasi, kemampanan serta kemakmuran bersama dan seterusnya menjadi Hab Digital ASEAN. **#SayaDigital**

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di Facebook: [www.facebook.com/MyMDEC/](https://www.facebook.com/MyMDEC/) Twitter: @mymdec

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

#### **SCMO**

Fadlyna Zulkarim - [fadlyna.zulkarim@epu.gov.my](mailto:fadlyna.zulkarim@epu.gov.my)

#### **MDEC**

Simon Yap – [simon.yap@mdec.com.my](mailto:simon.yap@mdec.com.my)

Hazel Hassan – [hazel.hassan@mdec.com.my](mailto:hazel.hassan@mdec.com.my)